

FSSA UMS jalin kerjasama dengan Kibing Solar

UB 26.02.2023 P.08

KOTAKINABALU: Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) berpeluang meneroka kerjasama dengan Kibing Solar.

Ia merupakan sebuah syarikat dari China yang mengusahakan teknologi tinggi berintegrasi penyelidikan dan pembangunan (R&D), pengeluaran, jualan ‘photovoltaic glass’ serta industri tenaga baharu.

Dekan FSSA Prof. Dr. Juanglang Azlan Gansau berkata, rangkaian kerjasama ini akan merangkumi pihak industri dan juga komuniti.

“Melalui syarikat yang di-daftarkan di Sabah iaitu Sbh Kibing New Materials (M) Sdn. Bhd., syarikat industri tersebut telah menyatakan hasrat dan minat untuk mengadakan jalinan kerjasama dengan pihak FSSA dalam bidang penyelidikan, mobiliti pelajar dan juga latihan industri pelajar.

“Pihak FSSA turut menyampaikan hasrat berkolaborasi dalam memberikan



KENANGAN: Jualang merakamkan gambar bersama delegasi lawatan dari Kibing Solar.

latihan Bahasa iaitu Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu kepada alumni pelajar China dan kakitangan Kibing Solar,” katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

Jualang memaklumkan perkara tersebut merupakan inti perbincangan ketika kunjungan daripada pihak Sbh Kibing Solar Materials (M) Sdn. Bhd. yang terdiri daripada Pengarah Sumber Manusia, Julia Wang; Pengurus Sumber Manusia, Zou Qiankun; dan Pengarah

Perhubungan Awam, Eve Charlie ke FSSA baru-baru ini.

“Turut dibincangkan pada pertemuan ini peranan fakulti dalam membantu bidang penyelidikan dengan kepakaran yang ada serta penglibatan beberapa jabatan dalam UMS seperti Institut Confucius, Pusat Kolaborasi dan Libatsama Industri serta Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global.

“Pihak Kibing Solar juga berharap hubungan di antara kedua-dua pihak dapat di-

realisasikan dengan memeterai Surat Niat (LOI) dan juga Memorandum Persefahaman (MOU) dalam masa terdekat,” katanya.

Hadir sama Pengarah Institut Confucius, Prof. Dr. Chong Khim Phin; Timbalan Pengarah Pusat Kolaborasi dan Libatsama Industri, Dr. Chin Pei Yee; Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FSSA, Prof. Madya Dr. Ro-deano Roslee; dan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), FSSA Prof. Madya Dr. Chee Fuei Pien.